



Hilang pertimbangan

» Pelbagai faktor punca kes dera anak

Oleh Nor Hatina Shuib
hatina@bh.com.my

Z alim. Itu selayaknya diucapkan kepada perlaku tidak berperikemanusiaan seorang ibu tiri yang didakwa mendera kanak-kanak berusia lima tahun, Nur Zuliana Zara Zulkifli sehingga mengakibatkan sekurang-kurangnya 13 tulang pada tubuhnya patah setelah didera selama enam bulan, di rumahnya di Rantau Panjang, Kelantan.

Penderitaan kanak-kanak itu yang juga dipanggil Yaya terbongkar dengan penangkapan ibu tiri dan ayah kandungnya, sebaik ibu tirinya mengambil keputusan untuk memulangkan semula kanak-kanak terbabit kepada ibu kandung, selepas dua tahun berada dalam jagaan mereka di Rantau Panjang.

Secara logik, jelas pasangan terbabit ada masalah. Ada 'penyakit' yang sedang melanda mereka kerana gagal menyerapkan nilai dan sifat kasih sayang, naluri keibuan serta sifat simpati terhadap kanak-kanak.

Kelakuan dan kenakalan bagaimanakah yang dilakukan Yaya sehingga dia didera si ibu tiri?

Menyingkap kisah tragis ini, **FAMILI** mendapat pandangan daripada kaunselor dan ibu bapa tentang peristiwa menyayat perasaan ini.



Siti Fatimah Abdul Ghani

Stigma ibu tiri kejam skeptikal

Kaunselor Berdaftar dan Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata stigma ibu tiri kejam itu terlalu skeptikal dan bersifat prejudis.

"Tidak semestinya begitu. Cuma masyarakat cenderung menghukum berdasarkan prinsip yang salah. Pemahaman dan tohmahan ibu tiri kejam adalah tidak adil untuk semua. Apabila seseorang melakukan kesalahan, jadi seadilnya, perlu dinilai secara individu," katanya.

Status ibu tiri atau ibu kandung bukan isunya. Katanya, apa yang menjadi isu ialah kecelaran emosi dan tingkah laku tidak normal itu.

"Maksudnya, individu itu salah dan bukan status yang dibawa," katanya.

Pelbagai faktor tindakan kejam

Dari sudut psikologi, ada beberapa isu yang menjadi penyebab kepada kekejaman berkenaan.

"Antaranya kecelaran emosi sebagai manusia normal mengakibatkan terjadinya tingkah laku luar biasa dan melampaui batas, selain sifat amarah yang tidak dapat dikawal," katanya.

Faktor lain yang mungkin menjadi penyebab tindakan ganas itu kerana emosi ibu tiri yang menjadikan anak sebagai mangsa melepaskan kemarahan.

"Tindakannya mencerminkan kegagalan sistem kognitif dan emosi seperti gangguan mental tanpa sedar, perasaan busuk hati dan tidak berperikemanusiaan sehingga anak dibiarkan sebegitu kejam," katanya.

Siti Fatimah berkata, faktor lain kemungkinan ibu tiri tidak mempunyai perasaan dan sifat kasih sayang sehingga sanggup mendera.

"Ada juga kes, ibu tiri mengamalkan sifat pilih kasih apabila sudah ada anak kandung," katanya.

Beliau berkata, sejarah dan latar belakang juga mungkin mempengaruhi tindakannya.

"Pendera ini selalunya mempunyai persekitaran dan pengalaman psikososial. Suka memendam perasaan dan ada sesuatu yang tidak tertunai," katanya.